


Pupuk minat membaca

Jangan beri tekanan, tapi fahami kaedah galak kanak-kanak kenali emosi



Tip pupuk minat belajar membaca :

- Sedikan pelbagai peluang untuk anak menconteng, menulis, melakar, mewarna, mengecat sejak kecil.
- Sedikan persekitaran yang kaya dengan bahan mencetak pelbagai bentuk dan jenis.
- Membaca buku cerita dalam suasana interaktif, komunikasi antara pengasuh, ibu bapa dan kanak-kanak.
- Beri peluang untuk perbincangan panjang.
- Banyak menyatakan sebagai cara menggalakkan perkembangan bahasa dan percambahan fikiran.
- Buat buku dengan kanak-kanak guna bahan terbuang.
- Bantu kanak-kanak biasa dengan namanya contohnya menulis nama pada barang-barang kepuanyaannya.
- Wujudkan persekitaran membaca di rumah; ibu bapa sebagai contoh.
- Sedikan pelbagai jenis buku, anak patung dan permainan berbentuk buku sebagai daya tarikan kanak-kanak mendekati buku.
- Mengumpulkan bacaan bukan hanya untuk kanak-kanak membaca tetapi juga untuk orang dewasa membaca untuk mereka.
- Manfaatkan penggunaan kaset dan audio.

TABIT dan minat membaca perlu dipupuk dari awal usia kerana ia adalah kunci utama pembudayaan ilmu. Perkara utama perlu difahami, pendekatan, kaedah dan teknik yang perlu dilaksanakan. Justeru, perlu gunakan kaedah bersesuaian dengan ciri-ciri semula jadi kanak-kanak dan mengikut tahap perkembangan mereka.

Mengajar membaca bukan sekadar memperkenalkan huruf ABC kerana ia adalah simbol yang tidak memberi apa-apa makna kepada kanak-kanak. Membaca bukan hanya pembelajaran mengenai huruf sebaliknya bagaimana menggunakan cetakan kerana sesuatu sebab.

Ibu bapa perlu memahami mengenai kebolehan membaca. Ia berkait rapat dengan perkembangan bahasa, keupayaan berkomunikasi dan penggunaan perbandaran kata. Mengajar perlu difahami dalam konteks yang lebih luas kerana membatik kemahiran berfikir secara kreatif dan keupayaan menyelesaikan masalah.

Mengajar anak membaca tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa didahului dengan pemupukan minat membaca dan kesedaran mengenai konsep cetakan yang bermakna. Memka anak belajar dan membaca sebelum mereka bersedia hanya akan menghilangkan minetnya.

Persekutuan kita perlu dengan tulisan pada pakalan, kotak makanan, mainan, bekas kelengkapan

“ Minat membaca akan timbul secara semula jadi apabila mendapat pengalaman ‘membaca’ sebagai sesuatu yang menyeronokkan dan minat ini seharusnya dipupuk sejak bayi”

penjagaan diri, poster, risalah, iklan TV, kad hari jadi, surat kabar, tanda arah, komputer dan lain-lain.

Kanak-kanak tidak faham mengenai fungsi simbol dan cetakan. Ia berasaskan pengalaman ketika berinteraksi dengan orang dewasa. Jika mereka diberi kefahaman buku dan sesuatu yang tercetak atau yang tertulis itu membawa makna, mempunyai tujuan tertentu, ia akan membantu kanak-kanak mendekati buku.

Minat membaca akan timbul secara semula jadi apabila mendapat pengalaman membaca sebagai sesuatu yang menyeronokkan dan minat ini seharusnya dipupuk sejak bayi sehingga dia sendiri berkeinginan, sedia dan meminta untuk diajar membaca secara formal.

Sebagai contoh, seorang anak yang dipangku dan diperluk ketika ibu atau penjaga membacakan buku

cerita kepadanya akan mengaitkan buku dan cerita dengan kasih sayang, rasa selamat, rapat dengan penjaga dan suatu yang amat menyeronokkan. Ia menjadikannya ingin terus berdampingan dengan buku. Walaupun mungkin bermula dengan hanya melihat gambar ini akan membantunya belajar menumpukan perhatian, tekun dan prihatin.

Kemahiran awal perlu dipelajari sebelum membaca. Apabila

pengalaman membaca menjadi sesuatu yang menyeronokkan dengan rangsangan daripada ibu bapa dan pendidik, sedikit demi sedikit kanak-kanak akan mula tahu cara untuk memegang buku, buka muka surat, tahu bila

mula surat. Dia akan

mula menunjuk kepada sesuatu huruf dan minat bila melihat namanya ditulis atau barang

kepuanyaannya dilabel.

Bila usianya semakin

meningkat ke empat

hingga enam tahun dan

dengan rangsangan

yang diberi, dia akan

mencuba menulis

nomor telefon, senarai

barang untuk membeli

belah dan sebagainya

kerana ini adalah

keinginan semula jadi

kanak-kanak seusianya

untuk membuat tanda

bagi membayangkan

cerita bermula dan berakhir, lama kelamaan akan mula mengenal tajuk, pengarang, kulit buku dan juga akan menunjukkan kefahaman bahawa cetakan atau gambar juga memberi maksud tertentu.

Kepelbagaian pendedahan kepada pelbagai bahan yang boleh dibaca daripada persekitaran akan menimbulkan kesedaran mereka bahawa sesuatu yang bertulis menggambarkan kata-kata atau pemikiran yang kekal.

Mereka juga akan mula menyedari pelbagai jenis tulisan, ke atas, bawah, kiri kanan, kanan kiri dan sebagainya. Apabila ini berlaku, tanpa disuruh kanak-kanak akan mula mencuba bercerita sendiri bila membelik-belek buku dan menyel

mula surat. Dia akan

mula menunjuk kepada

sesuatu huruf dan minat

bila melihat namanya

ditulis atau barang

kepuanyaannya dilabel.

Bila usianya semakin

meningkat, dia akan

mencuba menulis

nomor telefon, senarai

barang untuk membeli

belah dan sebagainya

kerana ini adalah

keinginan semula jadi

kanak-kanak seusianya

untuk membuat tanda

bagi membayangkan

pelbagai contoh cetakan yang ada di sekillingnya.

Akhirnya, kanak-kanak akan menyebut “mak, nak baca, ni macam mana?”. Inilah saat yang paling sesuai untuk mengajar membaca secara formal. Bila kanak-kanak itu sendiri yang meminta untuk diajar, sebagai petanda yang dia benar-benar bersedia untuk diajar membaca kerana minat dan kefahamannya tentang konsepliterasi.

Seandainya anak diajar membaca dalam keadaan dirinya tertekan dan dipaksa serta tidak faham kenapa dia perlu membaca - apakah lagi kalau disuruh duduk di lantai, belajar huruf dan bunyi, minat terhadap membaca tidak akan dapat dipupuk sebaliknya boleh meninggalkan kesan negatif terhadap emosi anak dan sikapnya terhadap kepentingan membaca.



ANDA ada masalah dengan anak atau ada sikapnya yang membimbangkan? Kongsi masalah anda bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel bhrita@bharian.com.my atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.